

09/09/1999

Razaleigh dilantik ahli MT Umno

Kadir Dikoh; Salina Abdullah

KUALA LUMPUR, Rabu - Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah, malam ini dilantik sebagai ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno.

Pelantikan itu diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selepas mempengerusikan mesyuarat MT di Ibu Pejabat Umno di sini.

Pada sidang akhbar selepas mesyuarat kira-kira tiga jam itu, Presiden Umno berkata pelantikan Tengku Razaleigh dibuat berdasarkan kedudukannya sebagai ketua badan perhubungan Umno negeri.

"Dia Ketua Perhubungan Umno Kelantan dan memainkan peranan besar di Kelantan. Saya percaya sewaktu pilihan raya nanti, dia akan menyumbang kepada kempen kita.

"Sebab itu dia perlu tahu apa yang dibincangkan dalam MT dan mungkin dia dapat menyumbang kepada perbincangan dalam parti," katanya.

Tengku Razaleigh dilantik sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan pada 20 Jun lalu, menggantikan Dr Mahathir yang menjadi pengerusi badan berkenaan sejak 1990.

Ditanya mengenai prestasi Tengku Razaleigh sejak dilantik sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Dr Mahathir berkata:

"Saya nampak berkesan kerana dia dapat menggembeleng tenaga Umno di Kelantan dan nampak sambutan agak baik.

"Nik Aziz (Datuk Nik Aziz Nik Mat) pun minta tolong dia (Tengku Razaleigh) untuk berjumpa saya bagi lupuskan hutang. Nampak Nik Aziz bersetuju Tengku Razaleigh ini cukup berkesan."

Dr Mahathir dipercayai merujuk kenyataan Setiausaha Politik Menteri Besar Kelantan, Husam Musa, yang meminta jasa baik Tengku Razaleigh membantu mempengaruhi Kerajaan Pusat supaya menghapuskan baki hutang kerajaan negeri itu sebanyak RM550 juta.

Ditanya sama ada Kerajaan Pusat akan melupuskan hutang kerajaan Kelantan, Dr Mahathir sambil berseloroh berkata, perkara itu perlu ditanya kepada Menteri Kewangan Pertama, Tun Daim Zainuddin, yang turut hadir pada sidang akhbar itu.

Mengenai kenyataan Pas bahawa parti pembangkang itu tidak berhutang, beliau berkata: "Pas boleh buat apa-apa kenyataan tapi bank tahu bila ada buat pinjaman maka jangan cakap tak ada hutang."

Selain pelantikan Tengku Razaleigh, mesyuarat MT juga membincangkan persiapan jentera pilihan raya serta mendapatkan maklum balas dari negeri.

Perdana Menteri berkata, setiap pihak yang membuat lawatan ke negeri sudah membuat laporan.

Dr Mahathir juga berkata maklum balas yang diterima sejak beliau mengadakan lawatan ke beberapa negeri sangat baik dan menunjukkan sokongan padu rakyat kepada Barisan Nasional (BN) dan Umno.

"Melainkan mereka hipokrit, kehadiran mereka jelas menunjukkan sokongan padu kepada BN. Mereka kelihatan ikhlas dan berebut-rebut untuk bersalam. Saya gembira kerana sambutan nampak begitu riang sekali," katanya.

Ditanya sama ada perkembangan itu akan menambah keyakinannya untuk membubarkan Parlimen dalam tempoh terdekat ini, Dr Mahathir menjawab: "Mungkin, mungkin."

Perdana Menteri bagaimanapun berkata beliau akan meneruskan lawatan ke negeri dari semasa ke semasa.

"Saya akan meneruskan lawatan ke negeri, bila habis satu pusingan, saya mungkin mula pusingan lagi dan yang kedua, ketiga dan seterusnya," katanya

sambil memberitahu lawatannya akan diteruskan ke Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor.

Beliau berkata, mesyuarat MT juga menekankan mengenai pentingnya senarai pengundi baru disemak apabila dipamerkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) nanti.

Selain itu, katanya, MT membincangkan mengenai sambutan perayaan ulang tahun ke-25 BN, tetapi tarikhnya belum ditetapkan.

Mengenai laporan The Wall Street Journal di New York pada 3 September lalu bahawa kemenangan besar BN akan memberi kesan baik terhadap pasaran saham tempatan, Dr Mahathir sambil ketawa berkata:

"Nampak dia orang yakin kepada BN. Saya pun hairan juga. Dulu tak berapa yakin, kini yakin. Kita bersyukur...Alhamdulillah."

(END)